

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 20 FEBRUARI 2018

SINAR HARIAN • SELASA 20 FEBRUARI 2018

35

SABAK BERNAM

REKOR: MOHD IZZATUL IZUAN - 019-2850821 / 019 8680275

## Luas digesa longgar syarat

**Lulus permohonan baik pulih jeti nelayan**

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Kerajaan negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (Luas) digesa melonggarkan syarat proses permohonan baik pulih di mana-mana jeti nelayan uzur di seluruh negeri ini.

Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh berkata, meskipun kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan untuk membina jeti konkrit pendaratan ikan, namun usaha itu sukar memperoleh kelulusan daripada kerajaan negeri.

"Inilah masalah yang dihadapi nelayan di Selangor apabila Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang telah menerima peruntukan pembinaan bangunan konkrit, tidak mendapat kelulusan daripada pihak Luas.

"Kita lihat ini yang berlaku di Jeti Nelayan Kampung Simpang Empat



Mohd Fasih (duduk) melakukan simbolik mengecat laluan jeti selepas lawatannya ke Jeti Nelayan Kampung Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar, di sini.

Bagan Nakhoda Omar apabila jeti pendaratan ini tidak dapat dinaiktarafkan kepada jeti konkrit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat kerja-kerja gotong-royong baik pulih laluan Jeti Nelayan Kampung Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar di sini.

Sebanyak RM20, 000 diperuntukkan LKIM bagi kerja-kerja baik pulih berkenaan.

Mohd Fasih berkata, tindakan kerajaan negeri itu hanya mengakibatkan nelayan berdepan pelbagai kesukaran, selain terdedah kepada risiko keselamatan.

Beliau berkata, ketika ini, kebanyakan jeti nelayan masih menggunakan jati kayu yang daya tahanannya tidak kekal lama berbanding jati konkrit.

"Jati kayu ini mudah rosak dan mungkin hanya boleh digunakan dalam tempoh tertentu seperti dua atau tiga tahun sahaja," katanya.

Katanya, struktur jati kayu yang semakin mereput tidak timbul jika Luas membenarkan jati itu dinaiktarafkan kepada jati konkrit yang lebih selamat dan selesa.

"Apa yang penting ialah soal keselamatan nelayan perlu dititikberatkan kerana golongan ini adalah penyumbang utama pengeluaran hasil sumber laut di negeri ini," katanya.

**info** • LKIM menyediakan peruntukan sebanyak RM20,000 bagi baik pulih jeti